



NUR FARIZA TUKIMAN & NORHASNI ZAINAL ABIDDIN

## Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan di Malaysia

**ABSTRAKSI:** Kajian ini bertujuan untuk memahami definisi kepakaran dan hubung-kaitnya dengan sesuatu profesion dalam konteks bidang perubatan. Sebelum definisi kepakaran diperolehi, pemahaman yang jelas harus didapati mengenai definisi profesion; dan kajian ini akan meneliti beberapa kajian utama yang telah dilakukan untuk mengkaji persoalan berkenaan. Terdapat tiga pendekatan utama yang selalu diperkatakan untuk memahami maksud profesion, iaitu: pendekatan statik, pendekatan proses, dan pendekatan sosio-ekonomi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang mana sekumpulan 12 orang informan di temubual pada sekitar Ogos 2016; dan menggunakan penyelidik sebagai instrumen kajian, pelbagai aspek diteliti untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam bersabit definisi kepakaran daripada informan, yang mana informan itu sendiri merupakan pakar dalam bidang perubatan. Kajian mendapati terdapat beberapa perkara yang membawa maksud kepakaran dalam bidang perubatan, iaitu: pengiktirafan rasmi; pengkhususan; menamatkan keperluan dipantau oleh seorang doktor pakar; tahap kompetensi yang tinggi; mempunyai kemahiran di luar bidang perubatan, seperti kemahiran bersosial dan berkomunikasi; serta menerima pengiktirafan daripada badan pemantau.

**KATA KUNCI:** Kepakaran; Pembelajaran; Pendidikan Profesional Lanjutan; Profesion.

**ABSTRACT:** "The Definition of Expertise in a Profession of Medical Doctors in Malaysia". The research strives to understand the definition of expertise and its relation with a professional field in the context of the medical profession. Before expertise can be defined and properly understood, the research goes through a literature review of the definition and criteria of a profession. There are three main approaches that can be used to view a profession, which are the static approach, the process approach, and the socio-economic approach. This research adopts a qualitative approach, in which a sample of 12 informants is interviewed in August 2016; and using the researcher as an instrument, various aspects is being enquired to obtain a thorough understanding of the meaning of expertise to the informants, who are themselves specialist medical professionals and are considered "expert" in the medical field. The outcome summarizes that official certification; specialization on a specific field; completion of a serious of expertise checklist, including a being under the supervision of a mentor; a high level of competency; possessing soft skills and capabilities outside of the medical profession; and receiving official recognition from a monitoring body are key criterias that defines expertise in the medical profession.

**KEY WORD:** Expertise; Learning; Continuing Professional Education; Profession.

**About the Authors:** Nur Fariza Tukiman ialah Pelajar di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM (Universiti Putra Malaysia), Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. **Assoc. Prof. Dato Dr. Norhasni Zainal Abiddin** ialah Pensyarah di Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Alamat emel penulis: [nur.fariza82@student.upm.edu.my](mailto:nur.fariza82@student.upm.edu.my) dan [nonie@upm.edu.my](mailto:nonie@upm.edu.my)

**Suggested Citation:** Tukiman, Nur Fariza & Norhasni Zainal Abiddin. (2018). "Makna Kepakaran dalam Profesion Doktor Perubatan di Malaysia" in *MIMBAR PENDIDIKAN: Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Volume 3(2), September, pp.137-148. Bandung, Indonesia: UPI [Indonesia University of Education] Press, ISSN 2527-3868 (print) and 2503-457X (online).

**Article Timeline:** Accepted (March 2, 2018); Revised (June 22, 2018); and Published (September 30, 2018).

## PENDAHULUAN

Kepakaran merupakan satu aspek yang amat penting dalam kerjaya seseorang doktor perubatan. Nilai dan kepentingan seseorang doktor bergantung kepada kebolehnya untuk menunaikan tanggungjawab dalam sesuatu bidang, yang kita jangkakan daripadanya. Kepakaran juga akan memberikan kedudukan dan pangkat kepada seseorang, sama ada dia berkhidmat dalam sektor awam ataupun sektor swasta (al-Hathery, 1999; Mason *et al.*, 2002; Ismail, 2010; dan Nawi & Ngah, 2011).

Makna kepakaran amat berkait rapat dengan pemahaman yang mendalam mengenai maksud profesion. Jika profesion boleh dibayangkan sebagai sebuah perjalanan, kepakaran merupakan ukuran berapa jauhnya seseorang itu dalam perjalanan tersebut. Mari kita melihat tiga pendekatan utama dalam pengertian profesion, iaitu *pendekatan statik*, *pendekatan proses*, dan *pendekatan sosio-ekonomi* (Dadds, 2001; Zafirovski, 2002; Cruess, Johnston & Cruess, 2004; Bernardi, 2010; dan Brock, 2011).

Pendekatan pengertian profesion yang pertama ialah *Pendekatan Statik*. Menurut pendekatan ini, pekerjaan hanya boleh dipanggil “profesion” apabila ianya mempunyai ciri-ciri berikut: melibatkan operasi intelektual; mempunyai ilmu yang khusus dan berasal daripada sains; melibatkan hasil yang nyata dan praktikal; ilmu tersebut boleh dipindahkan kepada orang lain; perkhidmatan yang diberikan bersifat altruistik atau membantu masyarakat; serta ahli profesion mempunyai kecenderungan membentuk persatuan (Friedson, 1986; dan Ahmad, Idris & Ismail, 2009). Walau bagaimanapun, pendekatan ini mendapat banyak kritikan, kerana apabila pengertian profesion itu tetap dan statik, sekiranya sesuatu pekerjaan itu menjadi atau tidak menjadi profesion lagi, ia akan kekal selama-lamanya tanpa boleh berubah (*cf* Dreyfus & Dreyfus, 1980; Johari, 1994; dan Brock, 2011).

*Pendekatan Proses* pula berpendapat bahawa semua pekerjaan berada dalam perjalanan semulajadi untuk menjadi profesion. Perjalanan atau *continuum* ini wujud dalam dua hala yang berlawanan. Oleh sebab semua pekerjaan berada di dalam satu *continuum* menuju *professionalization*, ia juga boleh menuju ke arah satu lagi, iaitu *deprofessionalization*. Pendekatan ini turut dihujahkan oleh para penyelidik lain, iaitu setakat mana sesuatu pekerjaan itu telah mencapai tahap profesional. Perbezaan antara profesion dengan pekerjaan biasa adalah tidak jelas. Disebabkan mengikut pendekatan ini tiada satu pekerjaan pun yang telah mencapai satu tahap ideal profesion, maka setiap pekerjaan sentiasa berusaha untuk mencapai *professionalization* yang lebih tinggi melalui pembelajaran yang berterusan (Dreyfus & Dreyfus, 1980; Knowles, 1980; Weingand, 1999; Queeney, 2000; Yang, 2004; dan Brock, 2011).

Manakala, *Pendekatan Sosio-Ekonomi* menjelaskan bahawa status dan perlindungan ke atas profesion didapati daripada pengiktirafan oleh kerajaan. Profesion adalah konsep masyarakat yang bergantung kepada sejarah dan nasional. Profesion merupakan label yang diberikan oleh masyarakat dengan pengiktirafan daripada pihak berkuasa. Oleh yang demikian, profesion adalah satu simbol penghormatan yang mempunyai status dan kemudahan tertentu. Pengertian masyarakat yang dibuat adalah dihasilkan daripada perlumbaan antara pekerjaan-pekerjaan untuk memberikan perkhidmatan mereka kepada masyarakat. *Professionalization* dilihat sebagai suatu proses, yang mana pemberi khidmat (profesional) membentuk dan mengawal pasaran perkhidmatan khusus mereka. Bagi tujuan ini, profesional perlulah dihasilkan melalui latihan oleh institut bertauliah yang menganugerahkan ijazah tertentu supaya profesional boleh memberikan perkhidmatan mereka (Dreyfus & Dreyfus, 1980; Zafirovski, 2002; dan Bernardi, 2010).

Pendekatan-pendekatan di atas jelas menunjukkan bahwa kerjaya sebagai seorang profesional adalah sangat penting. Selain memiliki kemahiran teknikal, profesional berupaya mengenal pasti masalah dalam bidang tugasnya dan menyediakan jalan penyelesaian terhadap masalah tersebut. Profesional turut menjadi simbolik kepimpinan disebabkan ketinggian ilmu dan kemahiran yang diperoleh. Para profesional perlu sentiasa belajar sepanjang tempoh perkhidmatannya bagi melengkapkan diri mereka dengan perkembangan ilmu dan teknologi baru, serta memastikan mereka dikemaskini dengan perkembangan semasa. Sumber pembelajaran itu merangkumi buku dan bahan bacaan, perbincangan dengan rakan sekerja, program latihan formal dan tidak formal, serta pengalaman bekerja sehari-hari (Knowles, 1950; Fordham, 1993; Bowden & Merrit Jr., 1995; Taylor, Marienau & Fidler, 2000; Dadds, 2001; Rogers, 2004; dan Smith, 2007).

Profesional menggunakan pengetahuan yang diketahui sebagai amalan; dan dalam amalan profesional ini, pengetahuan tersebut digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Ciri-ciri ilmu pengetahuan profesional yang berasaskan aplikasi teori dan amalan saintifik ini telah diperkenalkan oleh D.A. Schon (1987), sebagai model amalan profesional *Technical Rationality*. Konsep *Technical Rationality* ini menerangkan bahawa setiap profesion, seperti bidang perubatan yang dikaji, mempunyai satu badan yang mengandungi ilmu pengetahuan profesional tersendiri yang khusus, mempunyai sempadan yang jelas dengan ilmu pengetahuan dalam bidang profesional yang lain, serta merupakan ilmu pengetahuan yang saintifik dan standard (Schon, 1987).

Seorang doktor, contohnya, akan mengamalkan pengetahuan yang dipelajari daripada badan ilmu pengetahuan kedokteran dalam pekerjaannya sehari-hari. Doktor tersebut dapat mengubah satu

senario yang kompleks kepada satu senario yang dia boleh selesaikan berdasarkan ilmu pengetahuan profesionalnya. Contohnya lagi, apabila setiap seorang mangsa kemalangan dibawa untuk rawatan, seorang doktor akan memulakan satu siri ujian perubatan yang standard; dan keputusan ujian berkenaan akan memberikan doktor itu pilihan untuk rawatan seterusnya (Knowles *et al.*, 1984; Schon, 1987; al-Hathery, 1999; Dadds, 2001; Mason *et al.*, 2002; dan Ahmad, Idris & Ismail, 2009).

Walau bagaimanapun, konsep *Technical Rationality* ini tidak dapat membezakan antara pengetahuan profesional yang cekap dan kurang cekap. Setelah mengkaji kebolehan profesional daripada pelbagai bidang, D.A. Schon (1987) telah mengenal pasti dua cara pengetahuan profesional, iaitu melalui *knowing-in-action* atau pengetahuan dalam perbuatan; dan *reflection-in-action* atau refleksi dalam perbuatan (Schon, 1987).

*Knowing-in-action* bermaksud bahawa pengetahuan profesional terhasil daripada tindakan spontan yang dilakukan ketika melakukan amalan, tanpa sebarang pemikiran sistematik terlebih dahulu. Melalui kaedah ini, profesional membuat sesuatu hanya berdasarkan kepada apa yang diketahui sebelumnya tanpa mempunyai peraturan atau pelan tertentu. Kaedah mengetahui ini mempunyai tiga sifat, iaitu: (1) profesional tahu membuat sesuatu secara spontan; (2) profesional tidak sedar bahawa amalan tersebut telah dipelajari; serta (3) profesional tidak dapat menerangkan pengetahuan mana yang mendorong amalan yang dilakukan (Schon, 1987; Cruess, Johnston & Cruess, 2004; dan Bernardi, 2010).

Kebanyakan amalan profesional berlaku dalam keadaan yang unik, tidak menentu, dan berlakunya konflik nilai. Oleh yang demikian, proses *knowing-in-action* tidak dapat menyelesaikan masalah. Dengan ini, profesional perlu membentuk balik keadaan supaya penyelesaian lebih mudah. Kemampuan membentuk balik keadaan ini,

atau *reflection-in-action*, adalah asas kepada kesenian profesional (Schon, 1987; Ahmad, Idris & Ismail, 2009; dan Bernardi, 2010).

*Reflection-in-action*, atau refleksi dalam perbuatan, bermaksud bahawa profesional itu membuat refleksi semasa membuat sesuatu tindakan dalam amalan profesionalnya, terutama apabila menghadapi situasi baru yang mana profesional tersebut tidak pasti untuk menghadapinya. Refleksi ini menyebabkan mereka berfikir dan cuba untuk mengaitkan pengetahuan dan pengalaman lepas dengan tindakan yang sedang berlaku. Hasil pemikiran tersebut mempengaruhi tindakan seterusnya; dan hasil tindakan tersebut yang sebenarnya sebuah eksperimen ringkas dan spontan, yang menyebabkan mereka melakukan refleksi sekali lagi (Rogers, 1969; Schon, 1987; Dadds, 2001; dan Bernardi, 2010).

Proses ini berlaku secara berterusan sehingga situasi yang kurang pasti berubah menjadi situasi yang pasti. Pengetahuan dan pengalaman ini kemudiannya menjadi asas kepada refleksi dalam perbuatan yang seterusnya. Proses pembelajaran ini merupakan satu bidang baru yang agak unik dan masih mempunyai ruang yang amat luas untuk dikaji, terutama dalam hubungkaitnya dengan pendidikan profesional lanjutan (Fidishun, n.d.; Schon, 1987; Dadds, 2001; Merriam ed., 2001; Hiemstra, 2002; Yang, 2003; dan Doksil, 2012).

Lazimnya, setiap pekerjaan yang dilakukan secara rutin akan menjadikan seseorang itu dapat menguasai kemahiran dengan baik dan berkurangnya kesilapan. Seseorang individu itu dipercayai telah meraih kepakaran dalam bidang tugas yang dilakukan, apabila terdapat peningkatan dalam kualiti dan hasil kerjanya. Peningkatan kualiti dan hasil kerja ini boleh dilihat melalui ciri-ciri, seperti: melakukan kerja dengan lebih pantas; mempelajari sesuatu dengan cepat; menjadi lebih sendiri dengan sedikit keperluan penyeliaan;

mampu mengenalpasti masalah dengan segera; membantu orang lain belajar melaksanakan sesuatu tugas; dan boleh menyelesaikan tugas yang lebih sukar atau kompleks (Friedson, 1986; McCombs *et al.*, 1991; Vaske, 2001; dan Brock, 2011).

Menurut S.E. Dreyfus & H.L. Dreyfus (1980), profesional berkembang melalui lima peringkat pembangunan kerjaya yang dikategorikan sebagai *novis*, *pemula maju*, *kompeten*, *mahir*, dan *pakar*. Kajian yang telah dijalankan ke atas jururawat dan juruterbang menunjukkan profesional yang *novis* cenderung untuk mentadbir amalan kerja mereka dengan tingkah-laku berorientasikan peraturan (Dreyfus & Dreyfus, 1980). Memandangkan profesional *novis* mempunyai sedikit pengalaman dengan situasi sebenar, mereka perlu bergantung kepada peraturan-peraturan yang telah mereka pelajari semasa tempoh persediaan atau latihan praktikal (*cf* Dreyfus & Dreyfus, 1980; Johari, 1994; Mason *et al.*, 2002; dan Ahmad, Idris & Ismail, 2009).

Apabila profesional *novis* melangkah ke peringkat *advanced beginner* (pemula maju), prestasi yang memuaskan semakin banyak ditunjukkan oleh profesional tersebut. Golongan *advanced beginner* sudah boleh membezakan pelbagai situasi yang berlaku, tetapi masih sukar membezakan apa yang penting dengan apa yang kurang penting. Profesional ini seterusnya boleh digelar sebagai *kompeten* apabila mereka boleh merancang dan mengorganisasi sesuatu aktiviti, serta mereka yakin dan berupaya untuk berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka. Kebiasaannya, profesional yang *kompeten* ini telah berkhidmat selama tiga hingga lima tahun. Profesional yang bergelar *mahir* pula sudah memahami secara menyeluruh akan bidang tugasnya. Seterusnya, profesional itu telah menjadi *pakar* apabila beliau memiliki set pengetahuan dan kemahiran yang tinggi berkaitan bidang tugasnya serta menjadi rujukan utama oleh kebanyakan profesional

lain dalam profesinya (Dreyfus & Dreyfus, 1980; Smith, 1982; Dadds, 2001; dan Cruess, Johnston & Cruess, 2004).

Daripada literatur di atas adalah jelas hubung-kait antara profesion dan kepakaran, serta dibincangkan ciri-ciri yang menerangkan sesuatu kepakaran tersebut. Kajian ini dijalankan untuk melihat hubung-kait dengan lebih jelas, terutamanya dalam konteks bidang perubatan di Malaysia, serta mahukan menjawab persoalan definisi kepakaran itu sendiri (al-Hathery, 1999; JPM Malaysia, 2006; Ahmad, Idris & Ismail, 2009; Ismail, 2010; KKM, 2011; dan Nawi & Ngah, 2011).

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini diadakan secara kualitatif dan melibatkan informan seramai 12 orang doktor daripada pelbagai bidang perubatan di Malaysia. Pemilihan informan menggunakan konsep persampelan bertujuan, iaitu berasaskan kepada keupayaan dan kemampuan mereka memberikan maklumat yang dikehendaki dan secara mendalam mengenai sesuatu bidang dan amat tepat, serta informan berkenaan boleh dikenalpasti dengan jelas dalam suatu populasi (Patton ed., 1990; Denzin & Lincoln, 1998; Neuman, 2000; Silverman, 2001; dan Lebar, 2007). Selain itu, persampelan bertujuan juga memberi fleksibiliti untuk menukar sampel informan berdasarkan sejauh mana informan dapat memberi maklumat yang mendalam (Glense & Peshkin, 1991; Creswell, 2007 dan 2014; dan Merriam, 2009a).

Kaedah penyelidikan kualitatif sesuai digunakan dalam konteks kajian ini, kerana ia adalah satu proses induktif yang bersesuaian untuk penerokaan mendalam (Smit, 2002; Thomas, 2006; Merriam, 2009b; dan Yin, 2014); dan proses pemahaman definisi kepakaran oleh ahli profesion itu adalah satu contoh isu yang melibatkan proses sosial (Silverman, 2001; dan Yin, 2011). Dalam kajian ini, aktiviti temubual telah digunakan, kerana sebagai

ianya adalah satu proses inkuiri yang boleh digunakan untuk memahami masalah sosial berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semulajadi (Lincoln & Guba, 1985; dan Creswell, 2007 dan 2013); serta meningkatkan pemahaman interpretasi individu terhadap pengalaman dan tingkahlaku yang bersifat subjektif (Hancock, 1998; dan Cohen, Manion & Morrison, 2011). Penghuraian dan penerangan ini akan membolehkan pengkaji dan pembaca memahami sesuatu masalah daripada sudut pandangan dan pemahaman informan sendiri (Miles & Huberman, 1994; Bogdan & Biklen, 1998; and Merriam, 1998).

Kajian kualitatif ini menggunakan pengkaji sebagai instrumen kajian (Patton, 2002). Pengkaji sendiri bertanggungjawab terhadap keseluruhan proses pengumpulan dan analisis data, serta kredibiliti kajian bergantung sepenuhnya kepada kebolehan pengkaji (Morse & Richards, 2002; Golafshani, 2003; Fereday & Muir-Cochrane, 2008; dan Creswell, 2012). Pengkaji dianggap sebagai instrumen utama, kerana berkeupayaan untuk memanjangkan pemahaman melalui komunikasi bukan verbal, selain daripada komunikasi verbal; memproses data dengan segera; menjelaskan dan merumuskan sumber; memeriksa dapatan yang diperoleh dengan informan bagi ketepatan interpretasi; dan meneroka sesuatu yang luar daripada kebiasaan (Goodson & Sikes, 2001; Konopasek, 2007; dan Merriam, 2009b). Pendekatan ini membolehkan pengkaji memperoleh dapatan secara langsung dan tepat, termasuk bersifat sensitif kepada aspek verbal seperti gaya dan ekspresi (Bogdan & Biklen, 1998; Schostak, 2002; dan Seidman, 2013).

Dalam kajian ini, pengkaji memperolehi respons langsung daripada informan, mengumpul, mentranskrip, dan menganalisis data sendiri. Pengkaji telah menjalankan temubual mendalam ke atas doktor pakar

**Gambarajah 1:**  
Senarai Informan dan Tarikh Temubual

Informan	Tarikh Temubual
Doktor A	3 Ogos 2016
Doktor B	5 Ogos 2016
Doktor C	8 Ogos 2016
Doktor D	11 Ogos 2016
Doktor E	13 Ogos 2016
Doktor F	18 Ogos 2016
Doktor G	20 Ogos 2016
Doktor H	23 Ogos 2016
Doktor I	26 Ogos 2016
Doktor J	27 Ogos 2016
Doktor K	29 Ogos 2016
Doktor L	30 Ogos 2016

perubatan bagi menjawab persoalan kajian (Choak, 2012; dan Friese, 2014). Untuk mengelakkan daripada berlaku kepincangan atau bias, pengkaji menggunakan pita rakaman dan merakam perbualan sepanjang temubual dijalankan. Gambarajah 1 menyatakan tarikh temubual bagi setiap informan. Kesemua temubual dijalankan di hospital, dimana mereka bekerja di Malaysia.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bidang perubatan mempunyai ciri-ciri yang jelas untuk diklasifikasikan sebagai sebuah profesion; dan berdasarkan literatur, peningkatan tahap seseorang dalam profesion ini disebut sebagai kepakaran (Friedson, 1986; Dadds, 2001; Cruess, Johnston & Cruess, 2004; Knowles, Holton & Swanson, 2005; dan Brock, 2011). Dalam kajian ini, penyelidik membincangkan bagaimana informan sendiri memberi makna kepada maksud kepakaran. Rumusan dapatan kajian boleh dilihat pada gambarajah 2.

**Pengkiktirafan Kelayakan Akademik.** Pertama sekali, semua informan telah sebulat suara meletakkan pendidikan formal peringkat Sarjana Perubatan atau Master sebagai kriteria utama bagi seseorang Doktor Perubatan layak digelar seorang “pakar perubatan”. Hal ini dinyatakan oleh salah seorang informan, seperti berikut:

*Kepakaran ni is basically ermm, kalau kita cakap pasal orthodontics kan, orthodontics ni dia specialty, because kalau kita nak betul-betul faham and practice orthodontics of any specialty, that means kita kena further studies la. Dia memang require further study, further training. Because kalau yang basic degree tu it just very basic (temubual dengan Doktor B, 5/8/2016).*

Begitu juga pendapat seorang informan lain, yang juga menekankan bahawa pengiktirafan daripada sebagai seorang pakar itu adalah penting, sepertimana dinyatakan sebagai berikut:

*First, you want the credential [...], you want the certification that ok, we are master (temubual dengan Doktor C, 8/8/2016).*

**Pengkhususan Bidang.** Informan turut berpendapat bahawa kepakaran juga adalah bermaksud pengkhususan yang telah dipilih oleh seseorang Doktor Perubatan untuk didalami dan difahami lebih daripada bidang-bidang perubatan yang lain. Dalam hal ini, seorang informan menyatakan, sebagai berikut:

*Pada saya, secara ringkasnya, bila kita kata orang tu pakar, orang tu patut tahu lebih mendalam tentang apa bidang yang dia pakar. Dan perlu mencapai tahap yang standard, yang menentukan dia ni adalah pakar yang berbeza dengan bukan pakar. Membezakan*

**Gambarajah 2:**  
Maksud Kepakaran Mengikut Informan

Tema	Senarai Dapatan	Kekerapan	Siapa yang Menyatakan
Makna	Ijazah Master	12	Semua Informan.
Kepakaran	Pengkhususan	10	Doktor A (3/8/2016); Doktor B (5/8/2016); Doktor D (11/8/2016); Doktor E (13/8/2016); Doktor F (18/8/2016); Doktor G (20/8/2016); Doktor H (23/8/2016); Doktor I (26/8/2016); Doktor J (27/8/2016); dan Doktor L (30/8/2016).
	(Penyeliaan ( <i>Gazettement</i>	2	Doktor A (3/8/2016); dan Doktor L (30/8/2016).
	Kompetensi	1	Doktor F (18/8/2016).
	Tanggungjawab	2	Doktor C (8/8/2016); dan Doktor H (23/8/2016).
	Pengurusan	1	Doktor E (13/8/2016).
	Kepimpinan	1	Doktor D (11/8/2016).
	Perlu Pantauan sebagai Pakar	1	Doktor G (20/8/2016); dan Doktor K (29/8/2016).

*dia dengan pakar lah sebenarnya (temubual dengan Doktor F, 18/8/2016).*

**Menamatkan Tempoh Penyeliaan sebagai Pakar (Pewartaan).** Di samping itu, kepakaran juga dikatakan bermaksud sempurnanya proses penyeliaan enam bulan selepas memperoleh ijazah Sarjana Perubatan, hingga dinobatkan sebagai pakar (*gazettement*); dan dimasukkan sebagai pakar yang berdaftar dengan Pendaftar Pakar Kebangsaan. Hal ini dinyatakan oleh salah seorang informan, sebagai berikut:

*Setelah lulus (ijazah Sarjana), saya perlu menjalani [...] perlu bekerja sebagai pakar dibawah penyeliaan selama 6 bulan, ataupun apa yang dipanggil gazettement period. Setelah lulus, saya mendapat surat gazettement daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, dan di iktiraf sebagai pakar (temubual dengan Doktor A, 3/8/2016).*

**Tahap Kompetensi yang Tinggi dalam Bidang Perubatan.** Sebagai tambahan kepada definisi pakar yang dibincangkan di atas, terdapat juga pendapat di kalangan informan bahawa kepakaran bermaksud seseorang Doktor Perubatan mempunyai tahap kompetensi yang tinggi. Salah seorang informan telah menyatakan sebagai berikut:

*Makna sebenar kepakaran tu adalah kita punya [...]ape ni [...] tu lah, kompetensi. Lebih kepada kompetensi kita, cara kita err*

*[...]ape ni [...] membawa bidang tu dengan cara kita merawat pesakit dengan jugak dari segi kita bersama er [...] colleagues, dengan pakar-pakar bidang lain jugak lah (temubual dengan Doktor F, 18/8/2016).*

**Sifat Tanggungjawab.** Selain itu, kepakaran juga bermaksud sifat tanggungjawab yang datang bersama-sama dengan kepercayaan yang diberi kepada seorang pakar perubatan, seperti dinyatakan oleh seorang informan, sebagai berikut:

*Dan jugak of course benda ni mesti dibuat berasaskan ethics, dan jugak moral dengan social responsibilities lah (temubual dengan Doktor H, 23/8/2016).*

**Kemahiran Pengurusan.** Di samping itu, kepakaran juga bermaksud mempunyai *skill* pengurusan yang baik. Perkara ini ada dinyatakan oleh seorang informan, sebagai berikut:

*To be a specialist actually, err [...] it' embarrassing la if you don't know how to manage simple things. So, behave to macam [...] once become a specialist, the education doesn't stop there lah. We still have to continue, continue. Belajar [...] belajar. We never stop study (temubual dengan Doktor E, 13/8/2016).*

**Kepimpinan.** Selain itu, informan juga menyatakan bahawa kepakaran bermaksud sifat kepimpinan yang perlu ada dalam diri

seorang pakar perubatan, seperti dinyatakan oleh seorang informan sebagai berikut:

*I have to macam [...] show more leadership, because once we become a specialist, everybody will follow us. The sisters, the MO, the HO, even the junior specialist under eyes, daripada kita pun akan ikut kita. So, basically in the hospital environment, we are actually leader to them. So, being a specialist also being a leader* (temubual dengan Doktor D, 11/8/2016).

**Menerima Pengiktirafan daripada Bidang Pemantau Profesion.** Akhir sekali, terma kepakaran juga digunakan untuk merujuk kepada keperluan untuk dipantau sebagai seorang pakar dalam usaha untuk mengekalkan suatu standard yang seragam untuk semua Doktor Perubatan. Hal ini adalah seperti dinyatakan oleh seorang informan, sebagai berikut:

*[...] pengiktirafan sebagai kepakaran tu perlu dipantau. So that, bukan semua orang akan mengaku dia pakar. And pengiktirafan itu perlu dilakukan dan dikawal oleh suatu badan lah. Untuk memastikan yang standard-standard tertentu telah dipatuhi atau memenuhi standard itu sebelum dia [...] kita boleh iktiraf sebagai seorang pakar* (temubual dengan Doktor G, 20/8/2016).

**Perbincangan.** Kepakaran seseorang individu adalah berbeza antara satu sama lain. Untuk memahami maksud tersurat dan tersirat di sebalik kepakaran ini, manusia perlu mengetahui dan memahami proses atau perjalanan untuk memiliki sesuatu kepakaran dimana bermula dan akhirnya. Seseorang individu itu perlu bermula daripada tanggungjawab untuk berusaha secara berterusan, seperti belajar mencari ilmu, latihan amali, dan menduduki ujian peperiksaan mengikut tahap sehingga memperolehi keputusan yang cemerlang (cf Bruner, 1966; Hilgard & Bower, 1966; Elias & Merriam, 1984; Knowles, 1990; Cantor, 1992; Crane, Nicholson & Bitgood, 1994; Dart, 1998; Cercone, 2008; Bernardi, 2010; dan Brock, 2011).

Langkah seterusnya disusuli dengan bekerja dalam suatu organisasi tidak kira kecil atau besar untuk menimba pengalaman dan memberi khidmat kerja yang terbaik. Pada peringkat inilah, seseorang individu itu akan lebih memahami makna jatuh-bangun, suka-duka, dan susah-senang dalam pekerjaan yang dilakukan daripada peringkat junior sehingga menjadi senior. Manusia menjadi dewasa dan matang bukan kerana usia semata-mata, tetapi disebabkan banyaknya ilmu yang benar-benar dipelajari dan dikuasai, serta pengalaman yang ditimba sehingga seseorang itu benar-benar yakin dan percaya kepada diri sendiri akan tahap kepakaran yang telah dicapai (Knowles, 1968 dan 1978; Cervero, 1988; Orndorff, 1998; Daley, 1999; Dadds, 2001; Cruess, Johnston & Cruess, 2004; Balan, 2005; Merriam, 2008; dan Chin, 2013).

## KESIMPULAN

Kesedaran bahawa proses pembentukan kepakaran seseorang Doktor Perubatan adalah berterusan, maka Doktor perlu melengkapkan diri dengan ilmu lanjutan dalam bidang perubatan yang diceburi, supaya sentiasa mengetahui perkembangan teknologi terkini dan perkembangan perubatan.

Doktor Perubatan juga perlu memainkan peranan untuk memahami diri dan rakan-rakan bahawa mempunyai ijazah Sarjana Perubatan adalah titik permulaan kepada seseorang Doktor menjadi pakar. Namun, sebenarnya, proses pembentukan kepakaran untuk lebih cemerlang adalah selepas meraih gelaran Doktor pakar menurut terma-terma yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.<sup>1</sup>

<sup>1</sup>**Kenyataan:** Dengan ini, kami membuat kenyataan bahawa artikel ini adalah merupakan dapatan pemikiran dan penyelidikan kami berdua. Ianya bukan dapatan daripada amalan plagiarism, sebab sumber-sumber yang kami petik jelas wujud dalam senarai Rujukan atau Referensi. Kertas ini juga belum diwasit dan belum diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik, samada di Malaysia mahupun di luar negara.



## Referensi

- Ahmad, Shamsuddin, Khairuddin Idris & Azahari Ismail. (2009). "Dimensi Amalan Etika Profesion" dalam *MALIM*, Bil.10. Wujud secara online juga di: [http://www.ukm.my/jmalim/images/vol\\_10\\_2009/a2%20shamsudin%20upm.pdf](http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_10_2009/a2%20shamsudin%20upm.pdf) [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 15 Januari 2018].
- al-Hathery, Shabib ibn Ali. (1999). *Tugas dan Tanggungjawab seorang Doktor Muslim*. Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Islam Malaysia.
- Balan, D. (2005). "Contextual Factors Associated with Continuing Professional Education Practices of Selected Professional Providers in Malaysia". *Unpublished Doctoral Dissertation*. Serdang, Selangor: Univeristi Putra Malaysia.
- Bernardi, H. (2010). *Human Resource Management: An Experiential Approach*. New York: McGraw Hill Higher Education, 14<sup>th</sup> edition.
- Bogdan, R.C. & S.K. Biklen. (1998). *Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods*. Boston: Allyn & Bacon Inc., 3<sup>rd</sup> edition.
- Bowden, R. & R. Merrit Jr. (1995). "The Adult Learner Challenge: Instructionally and Administratively" in *Education*, Volume 115, pp.426-432.
- Brock, A. (2011). "Perpectives on Professionalism" in A. Brock & C. Rankin [eds]. *Professionalism in the Interdisciplinary Early Year Team*. New York: Continuum, pp.59-74.
- Bruner, J.S. (1966). *Toward a Theory of Instruction*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Cantor, J. (1992). *Delivering Instruction to Adult Learners*. Toronto: Wall & Emerson.
- Cercone, K. (2008). "Characteristics of Adult Learners with Implications for Online Learning Design" in *AACE Journal*, Volume 16(2), pp.137-159.
- Cervero, R.M. (1988). *Effective Continuing Education for Professionals*. San Francisco: Jossey-Bass, Inc.
- Choak, C. (2012). "Asking Question: Interviews and Evaluations" in S. Bradford & F. Cullen [eds]. *Research and Research Method for Youth Practitioners*. Oxon: Routledge, pp.90-112.
- Chin, C. (2013). "Too Many Doctors, Too Little Training" in *The Star Publication*. Available online also at: <http://www.thestar.com.my/News/Nation/2013/08/18/Too-many-doctors-too-little-training.aspx/> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Cohen, L., L. Manion & K. Morrison. (2011). *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer, 7<sup>th</sup> edition.
- Crane, V., H. Nicholson & S. Bitgood. (1994). *Informal Science Learning: What Research Says about Television, Science Museums, and Community Based Projects*. Deedham, MA: Research Communications.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 2<sup>nd</sup> edition.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston, MA: Pearson Education Inc., 4<sup>th</sup> edition.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc., 3<sup>rd</sup> edition.
- Creswell, J.W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc., 4<sup>th</sup> edition.
- Cruess, S., S. Johnston & R. Cruess. (2004). "Profession: A Working Definition for Medical Educators" in *Teaching-Learning Medical*, Volume 16(1), Winter, pp.74-76.
- Dadds, M. (2001). *Continuing Professional Development: Nurturing the Expert Within*. London: Paul Chapman Publishing and the Open University.
- Daley, B.J. (1999). "Novice to Expert: An Exploration of How Professionals Learn" in *Adult Education Quarterly*, Volume 49, pp.133-147.
- Dart, B. (1998). "Adult Learners' Metacognitive Behaviour in Higher Education" in P. Sutherland [ed]. *Adult Learning: A Reader*. London: Kogan Page, pp.30-43.
- Denzin, N.K. & Y.S. Lincoln. (1998). *Handbook of Qualitative Research*. London: Sage.
- Doksil, M. (2012). "50% of Housemen in Sabah Can't Cope Need Retraining" in the newspaper of *The Borneo Post*. Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia: May 17. Available online also at: <http://www.theborneopost.com/2012/05/17/50-of-housemen-in-sabah-cant-cope-need-retraining/> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Dreyfus, S.E. & H.L. Dreyfus. (1980). "A Five-Stage Model of the Mental Activities Involved in Directed Skill Acquisition". *Unpublished Report* supported by the Air Force Office of Scientific Research for the University of California at Berkeley.
- Elias, J.L. & S. Merriam. (1984). *Philosophical Foundations of Adult Education*. Malabar FL: Robert E. Krieger Publishing.
- Fereday, J. & E. Muir-Cochrane. (2008). "Demonstrating Rigor Using Thematic Analysis: A Hybrid Approach of Inductive and

- Deductive Coding and Theme Development” in *International Journal of Qualitative Methods*, Volume 5(1), pp.80-92.
- Fidishun, D. (n.d.). “Andragogy and Technology: Integrating Adult Learning Theory as We Teach with Technology”. Available online at: <https://scholarsphere.psu.edu/files/8s45q881f> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Fordham, P.E. (1993). “Informal, Non-Formal, and Formal Education Programmes” in *YMCA George Williams College: ICE301 Lifelong Learning Unit 2*. London: YMCA George Williams College.
- Friedson, E. (1986). *Professional Powers*. Chicago: University of Chicago Press.
- Friese, S. (2014). *Qualitative Data Analysis with ATLAS*. London: Sage.
- Glense, G. & A. Peshkin. (1991). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction*. White Plains, New York: Longman.
- Golafshani, N. (2003). “Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research” in *The Qualitative Report*, Volume 8(4), pp.597-606.
- Goodson, I.F. & P. Sikes. (2001). *Life History Research in Educational Settings*. Buckingham: Open University Press.
- Hancock, B. (1998). “Trent Focus for Research and Development in Primary Health Care: An Introduction to Qualitative Research” in *Trent Focus*. Available online also at: [http://faculty.cbu.ca/pmacintyre/course\\_pages/MBA603/MBA603\\_files/IntroQualitativeResearch.pdf](http://faculty.cbu.ca/pmacintyre/course_pages/MBA603/MBA603_files/IntroQualitativeResearch.pdf) [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Hiemstra, R. (2002). “Lifelong Learning: Adult and Continuing Education”. Available online at: <http://www~distance.syr.edu/lllch3.html> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Hilgard, E.R. & G.H. Bower. (1966). *Theories of Learning*. New York: Appleton-Century-Crofts, 3<sup>rd</sup> edition.
- Ismail, Mohd Khuzairi. (2010). “Cabaran Kerjaya seorang Doktor” dalam akhbar *Utusan Online*. Kuala Lumpur: 7 April. Wujud secara online juga di: [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0407&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0407&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana) [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 15 Januari 2018].
- Johari, Mohd Janib. (1994). *Moral: Teori, Aplikasi, dan Permasalahan*. Skudai: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- JPM [Jabatan Perdana Menteri] Malaysia. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9): 2006-2010*. Kuala Lumpur: National Printing Department.
- KKM [Kementerian Kewangan Malaysia] (2011). “Economic Report, 2011/2012”. Available online at: [http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=2011%3Alaporan-ekonomi-20112012&catid=73%3AAsenarai-laporan-ekonomi&Itemid=174&lang=en](http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2011%3Alaporan-ekonomi-20112012&catid=73%3AAsenarai-laporan-ekonomi&Itemid=174&lang=en) [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Knowles, M.S. (1950). *Informal Adult Education*. New York: Association Press.
- Knowles, M.S. (1968). “Andragogy, Not Pedagogy” in *Adult Leadership*, Volume 16(10), pp.350-386.
- Knowles, M.S. (1978). “Andragogy: Adult Learning Theory in Perspective” in *Community College Review*, Volume 5(9).
- Knowles, M.S. (1980). *The Modern Practice of Adult Education: From Pedagogy to Andragogy*. New York: Cambridge Books, 2<sup>nd</sup> edition.
- Knowles, M.S. (1990). *The Adult Learner: A Neglected Species*. Houston: Gulf Publishing Company, revised edition.
- Knowles, M.S. et al. (1984). *Andragogy in Action: Applying Modern Principles of Adult Education*. San Francisco: Jossey Bass.
- Knowles, M.S., E.F. Holton & R.A. Swanson. (2005). *The Adult Learner: The Definitive Classic in Adult Education and Human Resource Development*. London: Routledge, 6<sup>th</sup> edition.
- Konopasek, Z. (2007). “Making Thinking Visible with ATLAS.ti: Computer Assisted Qualitative Analysis as Textual Practices” in *Historical Social Research/Historische Sozialforschung*, Supplement, pp.276-298.
- Lebar, Othman. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim, Malaysia: Penerbit UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Lincoln, Y.S. & E.G. Guba. (1985). *Naturalistic Enquiry*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Mason, J.K. et al. (2002). *Law and Medical Ethics*. UK [United Kingdom]: Butterworth Lexis Nexis, 6<sup>th</sup> edition.
- McCombs, B.L. et al. (1991). *Learner Centered Psychological Principles: Guidelines for School Redesign and Reform*. Washington D.C.: American Psychological Association.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S.B. (2008). “Adult Learning Theory for the Twenty First Century” in *New Directions for Adult and Continuing Education*, Volume 119, pp.93-98.
- Merriam, S.B. (2009a). “Case Studies as Qualitative

- Research” in C.F. Conrad, J.G. Haworth & L.R. Lattuca [eds]. *Qualitative Research in Higher Education*. Boston, MA: Pearson Custom Publishing, pp.191-200.
- Merriam, S.B. (2009b). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Merriam, S.B. [ed]. (2001). *The New Update on Adult Learning Theory: New Directions for Adult and Continuing Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miles, M.B. & M.A. Huberman. (1994). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 2<sup>nd</sup> edition.
- Morse, J.M. & L. Richards. (2002). *Read Me First for a User's Guide to Qualitative Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Nawi, Mazni & Anisah Che Ngah. (2011). “Skop Kelakuan Buruk dalam Kod Kelakuan Profesional 1987: Satu Analisis Menurut Etika Perubatan Islam” dalam *JUUM: Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*, Bil.15, ms.53-74. Wujud secara online juga di: <http://www.ukm.my/juum/JUUM%202011/Skop> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 15 Januari 2018].
- Neuman, W.L. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn & Bacon, 4<sup>th</sup> edition.
- Orndorff, E.B. (1998). “The Short-Term Study Travel Experience for Adult Professionals: A Phenomenological Study”. *Unpublished Ph.D. Thesis*. USA [United States of America]: Virginia Technology University. Available online also at: <http://scholar.lib.vt.edu/theses/available/etd-52998-10527/unrestricted/dissertation.PDF> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Patton, Q.M. (2002). “Qualitative Interviewing” in M.Q. Patton [ed]. *Qualitative Research and Evaluation Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc., 3<sup>rd</sup> edition, pp.339-427.
- Patton, M.Q. [ed]. (1990). *Qualitative Research & Evaluation methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Queeney, D.S. (2000). “Continuing Professional Education” in A.L. Wilson & E.R. Hayes [eds]. *Handbook of Adult and Continuing Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Rogers, A. (2004). “Looking Again at Non-Formal and Informal Education: Towards a New Paradigm” in *The Encyclopedia of Informal Education*. Available online also at: [www.infed.org/biblio/non\\_formal\\_paradigm.htm](http://www.infed.org/biblio/non_formal_paradigm.htm) [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Rogers, C.R. (1969). *Freedom to Learn*. Columbus, Ohio: Merrill.
- Schon, D.A. (1987). *Educating the Reflective Practitioner: Toward a New Design for Teaching and Learning in the Professions*. San Francisco: Jossey-Bass, Inc.
- Schostak, J.F. (2002). *Understanding, Designing, and Conducting Qualitative Research in Education: Framing the Project*. Buckingham, England: Open University Press.
- Seidman, I. (2013). *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Social Sciences*. New York: Teachers College Press, 4<sup>th</sup> edition.
- Silverman, D. (2001). *Interpreting Qualitative Data*. London: Sage Publication, 4<sup>th</sup> edition.
- Smit, B. (2002). “ATLAS.ti for Qualitative Data Analysis: Research Paper” in *Perspectives in Education*, Volume 20(3), pp.65-75.
- Smith, M.K. (2007). “Non-Formal Education” in *The Encyclopedia of Informal Education*. Available online also at: <http://www.infed.org/biblio/b-nonfor.htm> [dilayari di Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 18 Ogos 2017].
- Smith, R.M. (1982). *Learning How to Learn: Applied Theory for Adults*. Chiacago: Follett.
- Taylor, K., C. Marienau & M. Fidler. (2000). *Developing Adult Learners*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Temubual dengan Doktor A, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 3 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor B, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 5 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor C, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 8 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor D, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 11 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor E, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 13 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor F, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 18 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor G, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 20 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor H, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 23 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor I, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 26 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor J, seorang Doktor

- Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 27 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor K, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 29 Ogos 2016.
- Temubual dengan Doktor L, seorang Doktor Perubatan yang berkhidmat di Malaysia, pada tarikh 30 Ogos 2016.
- Thomas, D.R. (2006). "A General Inductive Approach for Analyzing Qualitative Evaluation Data" in *American Journal of Evaluation*, Volume 27(2), pp.237-246.
- Vaske, J.M. (2001). "Critical Thinking in Adult Education: An Elusive Quest for a Definition of the Field". *Unpublished Ed.D. Dissertation* in Drake University.
- Weingand, D.E. (1999). "Describing the Elephant: What is Continuing Professional Education". *Paper* presented in the 65th IFLA Council and General Conference in Bangkok, Thailand.
- Yang, B. (2003). "Towards a Holistic Theory of Knowledge and Adult Learning" in *Human Resources Development Review*, Volume 2(2), pp.106-129.
- Yang, B. (2004). "Holistic Learning Theory and Implications for Human Resources Development" in *Advances in Developing Human Resources*, Volume 6(2), pp.241-252.
- Yin, R.K. (2011). *Qualitative Research from Start to Finish*. New York: The Guildford Press.
- Yin, R.K. (2014). *Case Study Research: Design and Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc., 5<sup>th</sup> edition.
- Zafirovski, Milan. (2002). "The Social Construction of Production: An Application of Economic Sociology" in *Management Journal*, Vol.5, No.2, pp.147-174.